

## **BADAN PENGUATKUASA JENAYAH SYARIAH NEGERI PAHANG: SATU SOROTAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**

Mohd Farok Mat Nor

Pensyarah di Jabatan Undang-Undang, Fakulti Syariah dan Undang-Undang,

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

mohdfarok@kuis.edu.my

Mohamad Hafifi Hassim

Pelajar Sarjana Syariah (Pengurusan) Fakulti Syariah & Undang-Undang (KUIS)

fifikuis@gmail.com

Azizah Mat Rashid

Pensyarah di Jabatan Undang-Undang, Fakulti Syariah dan Undang-Undang,

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

azizahrashid@kuis.edu.my

Nor ‘Adha Ab Hamid

Pensyarah di Jabatan Undang-Undang, Fakulti Syariah dan Undang-Undang,

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

noradha@kuis.edu.my

Maffuza Salleh

Pensyarah di Jabatan Undang-Undang, Fakulti Syariah dan Undang-Undang,

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

maffuza@kuis.edu.my

### **Abstrak**

*Keluhan dan komen negatif masyarakat terhadap kepincangan dalam isu penguatkuasaan undang-undang Syariah di Malaysia sentiasa diperkatakan dan menjadi antara isu yang perlu diperhalusi penyelesaiannya. Walaupun peruntukan undang-undang berkaitan telah lama wujud melalui kelulusan dari Dewan Undangan Negeri (DUN) masing-masing, namun ianya agak mengecewakan apabila statistik kesalahan jenayah syariah negeri gagal dikurangkan melalui penguatkuasaan oleh Badan Penguatkuasa Syariah negeri. Artikel ini mengupas skop, peranan dan pelbagai kekangan yang dihadapi oleh badan Penguatkuasa Jenayah Syariah Pahang dalam menguatkuasaan undang-undang Syariah, terutamanya berkenaan dengan kesalahan berkaitan tatasusila, di bawah peruntukan Enakmen Jenayah Syariah masing-masing. Instrumen secara temubual berstruktur dilakukan untuk mendapatkan data yang terkini dan lebih praktikal, seperti menemubual Ketua Hakim Syarie, Ketua Pendakwa Syarie dan Ketua Penguatkuasa Agama, serta kaedah dokumentasi yang menjelaskan mengenai teori. Artikel turut menganalisis saranan-saranan dari Ketua Hakim Syarie, Ketua Pendakwa Syarie dan Penguatkuasa Agama Pahang dalam meningkatkan mutu penguatkuasaan undang-undang syariah yang sedia ada di negeri-negeri di Malaysia. Analisa yang diperoleh dapat membantu mengemukakan cadangan penambahbaikan dalam pemantapan institusi penguatkuasaan syariah, institusi kehakiman dan pendakwaan syarie, terutamanya, di dalam kes-kes jenayah syariah di negara kita.*

**Kata Kunci:** Skop, Peranan, kekangan, badan penguatkuasa, Enakmen jenayah syariah negeri.

**Penghargaan/Acknowledgement:**

Penulisan prosiding ini merupakan sebahagian hasil kajian ilmiah di bawah Geran FRGS/1/2016/SSI10/KUIS/03/1, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi yang telah diberikan kepada penulis. Tempoh kajian FRGS ini bermula pada tahun Julai 2016 dan dijangka berakhir pada tahun Julai 2018. Penulis melahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi yang memberikan ruang dan peluang untuk melaksanakan kajian ilmiah di bawah Geran FRGS ini yang bertajuk: **Model Keseragaman Peruntukan berkaitan Kesalahan Tatasusila dalam Enakmen Jenayah.**

## 1.0 Pengenalan

Sistem pentadbiran undang-undang di Malaysia dapat dibahagikan kepada dua struktur pentadbiran undang-undang, iaitu struktur Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Setiap mahkamah ini mempunyai peringkat yang berbeza dari segi bidang kuasa seperti yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Agama Islam (mengikut negeri-negeri di Malaysia).

Mahkamah Syariah di negeri-negeri telah ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam di setiap negeri, selaras dengan Jadual Kesembilan, Senarai II, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan. Penubuhannya juga disertai dengan bidang kuasa eksklusif yang tersendiri, yang melibatkan kes-kes mal dan kes-kes jenayah setakat yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan bagi orang-orang yang beragama Islam.

Dalam melaksanakan bidang kuasa jenayahnya, Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan kes-kes jenayah syariah yang melibatkan kesalahan- kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman maksimum penjara tiga tahun, denda tidak melebihi RM 5000, tidak melebihi enam sebatan atau mana-mana gabungan hukuman ini.

Dalam penulisan ini, penulis akan membincangkan mengenai skop dan peranan penguatkuasa jenayah syariah di negeri Pahang dalam menguatkuasakan peruntukan dalam Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pahang) 2001 serta cadangan untuk penambahbaikan.

## 2.0 Punca Kuasa Jenayah Syariah Di Malaysia

Kuasa-kuasa Jenayah Syariah di Malaysia muncul dari undang-undang tertinggi di Malaysia iaitu Perlembagaan Malaysia.<sup>1</sup> Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan: Perlembagaan ini ialah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selaras dengan Perlembagaan ini adalah tidak sah setakat ketidakselarasan itu.

Dalam Perlembagaan Persekutuan, kuasa-kuasa berkenaan dengan agama Islam diletakkan di bawah kuasa Negeri.<sup>2</sup> Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:

*“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak*

<sup>1</sup> Zulfikri Yasoa. 2008. *Kesalahan-kesalahan jenayah syariah di Mahkamah Syariah.*

<sup>2</sup> Ibid.

*berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan perbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara Mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan, mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu.”*

### 3.0 Kesalahan-Kesalahan Jenayah Syariah

Secara umumnya, kesalahan-kesalahan jenayah yang diperuntukkan dalam enakmen-enakmen berkenaan adalah terlalu sedikit dan amat terhad termasuk peruntukan hukumannya. Hukuman yang diperuntukkan hanyalah merangkumi *ta’zir* iaitu penjara, denda dan/atau sebatan. Peruntukan ini boleh dilihat dalam beberapa enakmen negeri-negeri seperti Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, Akta Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kelantan) 1985 dan Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (pindaan) (Kelantan) 1986 dan lain-lain.<sup>3</sup>

Bagi negeri yang masih tidak mempunyai enakmen jenayah syariah, peruntukan kesalahan terdapat di dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri masing-masing. Selain daripada itu, terdapat juga kesalahan jenayah syariah yang diperuntukan di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam bahagian IV dan X yang dikenali sebagai kesalahan matrimoni seperti Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Johor) 2003. Bagi memudahkan perbincangan, pengklasifikasian kesalahan jenayah syariah ini dapat diringkaskan seperti berikut :

a) Kesalahan di bawah enakmen atau Akta Jenayah Syariah:

- i. Kesalahan yang berhubung dengan akidah;
- ii. Kesalahan berhubungan dengan kesucian agama Islam dan institusinya;
- iii. Kesalahan berhubung dengan rukun Islam, arak, judi dan kesusilaan;
- iv. Kesalahan seksual;
- v. Kesalahan berhubung dengan kesejahteraan orang lain;
- vi. Kesalahan pelbagai;

b) Enakmen atau Akta Undang-Undang Keluarga Islam:

<sup>3</sup> Zulkifli Hasan. 2007. *Undang-undang jenayah syariah di Malaysia dan sejauh manakah perlaksanaannya*. Azman Ab Rahman et al. *Isu-isu semasa global sempena kemerdekaan ke-50*. Negeri Sembilan: Pusat Pengajian Umum USIM.

- i. Penalty berhubung dengan akad nikah dan pendaftaran perkahwinan; dan
- ii. Penalty am.

#### **4.0 Agensi Penguatkuasaan**

Setiap Jabatan Agama Islam negeri-negeri di Malaysia mempunyai sebuah Badan Penguatkuasaan Syariah atau Bahagian Penguatkuasaan Syariah yang berfungsi untuk menguatkuasakan Undang-undang Jenayah Syariah di negeri masing-masing. Badan Penguatkuasaan ini diketuai oleh seorang Ketua Penguatkuasa Agama (KPA) yang dibantu oleh beberapa Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) di bawahnya. Badan ini sebagai penguatkuasa undang-undang hal berkaitan kesalahan jenayah syariah yang melaksanakan perkara-perkara (kesalahan dan peraturan) yang diperuntukkan di dalam mana-mana undang-undang Islam bertulis yang berkuat kuasa di setiap negeri-negeri. Ini termasuklah semua peruntukan yang diperuntukkan di dalam enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri dan berkuasa untuk mengambil tindakan ke atas mana-mana individu yang melanggar atau melakukan kesalahan di dalam mana-mana undang-undang tersebut.<sup>4</sup>

#### **4.1 *Penguatkuasaan Jenayah Syariah*<sup>5</sup>**

Penguatkuasaan jenayah syariah merujuk kepada melaksanakan peraturan yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang Islam yang sedang berkuatkuasa seperti peruntukan yang terdapat di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri. Kesalahan jenayah syariah ini boleh dianggap sebagai jenayah tanpa mangsa. Undang-undang yang dicipta bersabit dengan jenayah tanpa mangsa ini seringkali mencetuskan kontroversi. Ianya seperti perjudian, pelacuran, penyalahgunaan dadah, minum arak dan hubungan terlarang. Sebaliknya, undang-undang terhadap keganasan, rompakan, pembunuhan dan sebagainya pula mendapat sokongan daripada masyarakat. Undang-undang anti-maksiat seringkalinya bersangkutan dengan tingkahlaku dan standard moral yang dianggap urusan peribadi. Sungguhpun demikian, ia tetap menjelaskan kesucian agama, menggugat keamanan dan memberi kesan kepada akhlak dan moral masyarakat. Bagi setiap kategori kesalahan jenayah syariah, baik yang berkaitan dengan akidah, kesucian Islam mahupun moral, pihak berkuasa berhadapan dengan pelbagai kerenah dan cabaran yang tersendiri. Bagi kesalahan berkaitan moral misalnya, terdapat langkah-langkah menangani suspek di tempat kejadian yang kadangkadang dilihat sebagai tidak sesuai sehingga tidak menyenangkan mereka yang terlibat.

Selain daripada itu, cabaran lain ialah kritikan segelintir masyarakat yang menuduh pihak penguatkuasa agama mencampuri urusan peribadi dan kebebasan mereka apabila menangkap dan menyiasat golongan yang disyaki terlibat dengan kesalahan moral. Dari segi lain pula, kredibiliti pegawai penguatkuasa agama sendiri dari segi kekurangan pemahaman dan latihan tentang undang-undang yang dikuatkuasakan, terutama yang baru dilantik memegang jawatan tersebut juga menimbulkan masalah. Pegawai yang berpengalaman pula bertukar kerja ke bahagian lain kerana memohon kenaikan pangkat atau ditukarkan, menyebabkan segala kemahiran dan pengalaman operasi, penyiasatan dan pengumpulan bahan bukti tidak dapat dikembangkan.

<sup>4</sup> Siti Zubaidah Ismail. 2016. *Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 25.

<sup>5</sup> Siti Zubaidah Ismail. 2008. *Dasar penguatkuasaan dan pendakwaan jenayah syariah di Malaysia: satu analisis*. Jurnal Syariah. Jil. 16 (Keluaran Khas). pp. 537-554. ISSN 0128 – 6730.

#### **4.2 Pendakwaan Jenayah Syariah<sup>6</sup>**

Dalam aspek pendakwaan jenayah pula bukanlah sesuatu yang mudah kerana ia membabitkan iltizam dan kesungguhan dalam menegakkan keadilan, tambahan pula proses ini melibatkan masa hadapan suspek. Dalam banyak hal, sesuatu pendakwaan banyak bergantung kepada kesempurnaan fail kes yang disediakan oleh pihak penguatkuasa agama. Jika kes sempurna, iaitu maklumat mencukupi, bahan bukti juga wujud yang boleh mengaitkan suspek dengan sesuatu kesalahan, maka keyakinan pendakwa membawa kes juga akan meningkat. Justeru, terdapat keperluan yang mendesak agar diwujudkan garis panduan penguatkuasaan dan pendakwaan yang standard dan mudah diikuti agar segenap langkah dan tindakan penguatkuasaan dan juga pendakwaan dilihat sebagai standard dan tidak kucar-kacir.

Perlu dinyatakan bahawa telah ada akta dan enakmen tatacara jenayah syariah yang mempunyai peruntukan berkaitan menangani aduan, siasatan, tangkapan, geledah sehingga kehadiran tatacara pendakwaan dan perbicaraan, namun ia dalam bentuk dan bahasa undang-undang yang teknikal dan panjang. Justeru untuk memudahkan operasi dan pemahaman tatacara dan prosedur, satu *standard operating procedure* (SOP) memang diperlukan bagi menghalusi lagi langkah-langkah penguatkuasaan dan pendakwaan.

### **5.0 Kepentingan Dan Justifikasi Dasar Penguatkuasaan Dan Pendakwaan<sup>7</sup>**

Di dalam kata-kata aluan perasmian Konvensyen Undang-Undang: Isu-Isu Berkaitan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Kesalahan Jenayah di Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri Bin Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri menegaskan bahawa penguatkuasaan dan pendakwaan yang efisyen, telus dan mengikut lunas undang-undang dapat memartabatkan sistem kehakiman negara. Pada pandangan kasar, ucapan ini mempunyai indikasi bahawa semua penguatkuasa (agama) perlu memperkasakan tugas masing-masing agar dapat memartabatkan sistem kehakiman sedia ada di samping membantu kelancaran pendakwaan sesuatu kes yang sempurna.

#### **5.1 Ketua Pendakwa Syarie (KPS)**

Ketua Pendakwa Syarie diberikan kuasa yang luas dan besar oleh undang-undang, sebagaimana yang termaktub di bawah seksyen 58(2) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, iaitu:

*“Ketua Pendakwa Syarie hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budibicaranya bagi memulakan dan menjalankan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan di hadapan Mahkamah Syariah”*

Kuasa menggunakan budibicara ini dilihat begitu besar. Selain itu, seksyen 181 Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 juga menetapkan bahawa:

*“Ketua Pendakwa Syarie hendaklah mempunyai kawalan dan arahan ke atas segala pendakwaan dan prosiding jenayah di bawah Akta ini”*

<sup>6</sup> Ibid.

<sup>7</sup> Ibid.

Jika posisi seorang Ketua Pendakwa Syarie adalah sedemikian rupa, soalnya apakah landasan atau prinsip yang digunakan oleh Ketua Pendakwa Syarie sebelum memutuskan sama ada untuk mendakwa sesuatu kes jenayah syariah atau tidak. Tanpa adanya sebarang prinsip, polisi atau dasar yang praktikal dan berorientasikan tindakan (*action-oriented policy*), barangkali boleh menimbulkan persoalan tentang sistem pendakwaan syarie di negara ini. Bukanlah bermakna ketiadaannya boleh menyebabkan sistem pendakwaan dipertikaikan kerana kuasa budibicara tadi. Adanya polisi dan standard pendakwaan bermakna kuasa budibicara yang besar dianugerahkan kepada Ketua Pendakwa Syarie mampu dilihat sukar untuk disalahgunakan. Apabila ada panduan, ia boleh meletakkan parameter sejauhmana perlu dan boleh kuasa budibicara itu digunakan.

Keputusan sama ada untuk mendakwa sesuatu kes atau tidak adalah satu langkah yang amat penting dalam proses pendakwaan. Ini kerana tidak semua kes yang disiapkan oleh bahagian penguatkuasaan berakhir dengan pendakwaan. Pertimbangan yang wajar harus diberikan kepada kepentingan pengadu, orang yang disyaki dan masyarakat seluruhnya bagi memastikan keputusan yang dibuat adalah betul. Hakikatnya, dalam membuat keputusan sama ada untuk menjalankan atau memberhentikan mana-mana prosiding, ia tidak boleh berlaku sewenang-wenangnya. Keputusan tersebut lazimnya tertakluk kepada hasil siasatan yang ada yang telah dikemukakan oleh Unit Siasatan atau Bahagian Penguatkuasaan jabatan agama negeri.

Di samping itu, kuasa-kuasa yang ada pada seorang Ketua Pendakwa Syarie juga adalah termasuk memberi keizinan untuk memulakan pendakwaan terhadap kes-kes tertentu seperti peruntukan di bawah seksyen 73 Akta Prosedur Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997:

*“Tiada pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah seksyen 4, 8, 9, 12, atau 13 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 boleh dimulakan kecuali dengan keizinan Ketua Pendakwa Syarie.”*

Bagi Pendakwa Syarie pula, selain polisi dan garispanduan, latihan juga perlu diadakan bagi meningkatkan kefahaman dan kemahiran mereka dari sudut praktikal undang-undang. Dengan kelulusan Syariah dan Undang-Undang serta *Diploma of Administration of Islamic Judiciary*, UIAM (DAIJ), adalah tidak memadai jika kurang dari segi kemahiran *hands-on* dan pembacaan tiga undang-undang serangkai: kesalahan jenayah syariah, tatacara dan keterangan.

## 5.2 *Penguatkuasaan*

Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) terdiri daripada anggota perkhidmatan awam dalam skim Pegawai Agama/Pegawai Hal Ehwal Islam. Lantikan mereka ke dalam jawatan PPA adalah bagi memenuhi jawatan yang perlu diisi. Oleh yang demikian, berlaku keadaan di mana pegawai yang sebelumnya bertugas sebagai Pegawai Zakat atau Dakwah, apabila ada keperluan untuk beliau mengisi jawatan kosong kerana berlaku proses pertukaran, kenaikan pangkat dan sebagainya, pegawai tadi boleh dilantik memegang jawatan sebagai PPA. PPA sedia ada juga akan bertukar ke bahagian lain, jika dalam proses kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi, wujud kekosongan di bahagian lain. Yang ‘merugikan’ ialah ada kalanya proses ini melibatkan PPA berpengalaman. PPA yang baru dilantik sudah pasti memerlukan masa untuk membiasakan diri dan memahami selok-belok tugas baru. Sebagaimana yang sedia dimaklumi, tindakan penguatkuasaan adalah berasaskan aduan dan juga operasi. Untuk proses siasatan misalnya,

bagaimanakah sesuatu siasatan yang memuaskan perlu dan patut dilakukan. Pegawai yang belum atau tidak terlatih sudah pasti akan berhadapan dengan jalan buntu jika dibiarkan tanpa panduan dan tunjuk ajar.<sup>8</sup>

Justeru, kepentingan wujudnya satu *standard operating procedure* (SOP) yang bukan sahaja selaras tetapi jelas, tidak dapat dinafikan lagi. Dari perspektif pengurusan penguatkuasaan pula, wujud kewajaran untuk memberikan perhatian terhadap isu kemahiran dan latihan Pegawai Hal Ehwal Islam (PHEI). Umum mengetahui bahawa kewujudan sumber manusia yang terlatih dan berwibawa di Bahagian Penguatkuasaan akan dapat meningkatkan tahap profesionalisme pegawai penguatkuasa agama khususnya yang selama ini dipandang rendah berbanding pegawai kerajaan lain. Tidak dapat dinafikan bahawa sumber manusia yang terlatih adalah berkait rapat dengan prestasi dan tahap perkhidmatan kepada masyarakat. Banyak masalah dan rungutan di kalangan masyarakat adalah berkisar tentang kaedah dan prosedur yang dilaksanakan oleh PPA yang dilihat tidak sistematik dan sering tersasar dan melebihi bidangkuasa yang diberikan. Tidak dapat dinafikan terdapat insiden di mana prosedur-prosedur pra-bicara seperti siasatan, tangkapan, penggeledahan dan interogasi banyak menerima kritikan bahawa pengintipan dilakukan, kamera video digunakan untuk merakam aksi tidak senonoh suspek, mengugut, meminta suapan dan macam-macam lagi seperti mana yang pernah diwar-warkan di media massa.<sup>9</sup> Dengan adanya garis panduan yang standard dan tetap, sudah tentu perkara sebegini dapat dielakkan dan dalam masa yang sama ia berperanan sebagai '*quick reference*' kepada pegawai yang baru memulakan tugas.

## 6.0 Bahagian Penguatkuasaan Syariah (Jabatan Agama Islam Pahang)

### Mukadimah

Bahagian Penguatkuasaan merupakan bahagian yang bertanggungjawab terhadap menguatkuasakan peruntukan Undang-Undang Syariah Negeri Pahang dan mengurus segala hal yang berkaitan dalam proses perundangan seperti menerima aduan, menjalankan siasatan, membuat operasi pemantauan dan juga terlibat dalam pemeriksaan aduan-aduan berkaitan halal.

### Fungsi

1. Menerima aduan dan maklumat
2. Membuat risikan dan siasatan terhadap aduan yang diterima
3. Melakukan gerakan penguatkuasaan seperti operasi dan tangkapan
4. Melakukan gerakan pencegahan agar kesalahan jenayah syariah tidak berleluasa
5. Menyedia dan melengkapkan kertas siasatan serta menyerahkannya kepada Bahagian Pendakwaan.
6. Menjalinkan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain bagi meningkatkan keberkesanaan aktiviti penguatkuasaan.
7. Memberi kesedaran kepada masyarakat berkaitan Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah

<sup>8</sup> Shamrahayu Abdul Aziz (1997), “Kuasa-Kuasa Pegawai-Pegawai Penguatkuasa Agama di bawah Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan)” dalam *Isu-Isu Kebebasan Beragama dan Penguatkuasaan Undang-Undang Moral*, Mohd Hisham Mohd Kamal dan Shamrahayu Abdul Aziz (penyt.) KL: Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, hh. 144-160.

<sup>9</sup> “JAWI dicemuh banteras maksiat”, Utusan Malaysia, 15 April 2005; “Mulut celupar antara sebab penguatkuasa agama dicemuh”, Berita Harian, 19 Disember 2007 merupakan salah satu contoh.

## **Piagam Pelanggan**

1. Merekodkan setiap aduan kesalahan jenayah syariah dengan serta-merta.
2. Memastikan setiap aduan yang diterima diambil tindakan dalam tempoh 7 hari.
3. Merekod penerimaan kertas siasatan dari Bahagian Penguatkuasa dalam tempoh 7 hari.
4. Penyemakan, penelitian dan penentuan status kertas siasatan dalam tempoh 1 bulan.
5. Pendaftaran kertas siasatan ke Mahkamah Syariah dilakukan dalam tempoh tidak melebihi 2 bulan,
6. Aduan berkaitan isu halal dilaksanakan dalam tempoh 30 hari dari tarikh aduan diterima.
7. Menyediakan laporan siasatan dan pemantauan berkenaan aduan Aqidah dan Syariah yang diterima dalam tempoh 30 hari selepas aduan.

## **Objektif Bahagian**

1. Pemerkasaan perundangan syariah dalam masyarakat Islam.
2. Membuat tindakan terhadap setiap aduan.
3. Menjalankan siasatan dengan sistematik.
4. Menjalankan pemantauan menurut bidangkuasa.
5. Menguruskan pensijilan dan pemantauan produk halal.

## **Punca-punca Kuasa**

1. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013 (Pahang).
2. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Pindaan 2001).
3. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005.
4. Enakmen Kawalan & Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam 1989.
5. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2005.
6. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002.
7. Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah 2002.
8. Akta Perihal Dagangan (APD) 2011.
9. Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasaan ‘Halal’) 2011.
10. Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 2011.
11. Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

## **Bahagian Pendakwaan Syariah (Jabatan Agama Islam Pahang)<sup>10</sup>**

### **Pendahuluan**

Bahagian Pendakwaan merupakan bahagian yang bertanggungjawab untuk menjalankan Pendakwaan Kes-Kes Jenayah Syariah di Mahkamah Syariah di Seluruh Negeri Pahang.

Pada 1 Disember 2004, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pahang 1991 telah diwartakan untuk dilaksanakan penguatkuasaannya di seluruh Negeri Pahang. Antara Ordinan yang terlibat ialah:

1. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013 (Pahang).
2. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Pindaan 2001).
3. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005.
4. Enakmen Kawalan & Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam 1989.
5. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2005.

<sup>10</sup> <http://www.jaip.pahang.gov.my/>

6. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002.
7. Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah 2002



- ↳ Menerima arahan dari KPS untuk pendakwaan kes di Mahkamah
- ↳ Menjalankan pendakwaan kes di mahkamah
- ↳ Menyediakan laporan pendakwaan kes
- ↳ Merekodkan fail kes yang dikemukakan oleh Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Sarawak
- ↳ Mendaftarkan kes ke Mahkamah Syariah

### ***Objektif Bahagian Pendakwaan***

Menjalankan pendakwaan jenayah syariah berteraskan prinsip keadilan dan memberi kefahaman perundangan berkaitan jenayah syariah kepada masyarakat.

1. Memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan dihadapkan mana-mana Mahkamah Syariah. Seksyen 26(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pahang 1991
2. Menghadiri prosiding di mana-mana Mahkamah Syariah bagi tujuan sebutan, pendengaran, perbicaraan dan keputusan, rayuan atau semakan dan sebagainya.
3. Menyediakan kertas-kertas pendakwaan termasuk kertas pertuduhan.
4. Menyemak dan memastikan kesempurnaan kertas siasatan daripada pihak Penguatkuasaan.
5. Memberi nasihat, pandangan terhadap apa-apa cadangan untuk memperkasakan aspek-aspek perundangan syariah.
6. Menyediakan laporan kes dan statistik kes-kes pendakwaan.
7. Mengadakan sesi taklimat.
8. Mendokumentasi prosiding, seminar, kursus, latihan dan sebagainya sebagai bahan rujukan Bahagian Pendakwaan.
9. Mengadakan bahan-bahan rujukan (Pusat Sumber) perundangan Islam samada Jurnal Undang-Undang, Statut, Enakmen/Ordinan, kaedah.

### **Aktiviti & Program Bahagian Pendakwaan**

1. Mengadakan siri program taklimat pencegahan jenayah syariah.
2. Mengadakan bengkel dalaman bagi meningkatkan profesionalisme Pegawai Pendakwa.
3. Kerjasama mengadakan bengkel, seminar dan latihan dengan Bahagian Penguatkuasaan JAIS dan Mahkamah Syariah [JKSS]
4. Mengadakan sesi lawatan kerja dengan Jabatan/Agensi yang berkaitan.
5. Memberi panduan dan nasihat perundangan Syariah kepada masyarakat umum dan jabatan.

### **Piagam Pelanggan**

1. Semua aduan dan maklumat yang diterima oleh Bahagian Pendakwaan selepas siri Taklimat diambil tindakan dalam tempoh Empat Belas [14] Hari Bekerja.
2. Memastikan Fail Kes yang diterima daripada Bahagian Penguatkuasa didaftarkan dalam tempoh Satu [1] Hingga [Tiga] Hari Bekerja.
3. Fail Kes yang telah lengkap diproses dalam tempoh Empat Puluh Dua [42] Hari Bekerja dan didaftarkan ke Mahkamah Syariah.

### **Perkhidmatan Yang Disediakan**

Pihak Bahagian Pendakwaan sedia membantu untuk memberi penerangan berhubung Kesalahan Jenayah Syariah dan Penalti di Bawah Undang-Undang Keluarga Islam di bawah Ordinan 2001.

## **7.0 Kekangan & Cadangan Penambahbaikan**

Dalam usaha untuk melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan, Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Pahang seringkali berdepan dengan beberapa kekangan. Kekangan yang dihadapi oleh Bahagian Penguatkuasaan ini sedikit sebanyak memberi kesan dalam proses penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah. Berikut merupakan beberapa kekangan yang dihadapi oleh Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Pahang:

### **1. Kekurangan kakitangan, kepakaran dan latihan**

Kekurangan kakitangan adalah sesuatu yang lumrah dihadapi di mana-mana agensi yang berkaitan dengan penguatkuasaan. Jumlah kakitangan Bahagian Penguatkuasaan terutama di daerah-daerah sememangnya tidak mencukupi, bagi menjalankan tugas mencegah dan mengawal kemungkaran, apatah lagi untuk mengurangkan kadar jenayah Syariah berkaitan moral, akidah dan sebagainya. Ini ditambah pula dengan pertukaran kakitangan ke bahagian lain, setelah mereka mahir dalam menjalankan operasi, siasatan dan memahami undang-undang. PPA terdiri daripada mereka yang berjawatan Pegawai Hal Ehwal Islam (S48/41) Penolong PHEI (S27-32) dan yang paling ramai ialah Pembantu HEI (S17). Pegawai Hal Ehwal Islam merupakan pemegang ijazah dalam bidang Pengajian Islam, manakala kakitangan gred S27 hingga S17 merupakan pemegang diploma atau sijil.

Oleh kerana tugas penguatkuasaan berorientasikan undang-undang, iaitu memerlukan pemahaman tentang undang-undang Syariah, tatacara dan lain-lain yang berkaitan dengan tugas mereka bagi memenuhi kehendak tugas penyiasatan dan penguatkuasaan kesalahan-jenayah Syariah, sebagaimana kuasa yang diberikan, sebagai contoh, di bawah s 68(1) dan s 68(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak dan juga sebagaimana yang wujud di semua negeri, maka latihan berkaitan pemahaman undang-undang adalah diperlukan. Malang sekali jika kakitangan ini tidak menerima latihan awal (sama ada secara intensif atau berkala) sebaik sahaja mereka memasuki bidang ini dan terus melaksanakan tugas. Justeru, perancangan latihan perlu dibuat agar setiap PPA yang bertugas dapat menghayati keperluan tugas mereka dan memahami setiap undang-undang dan arahan kerja yang berkaitan. Hal ini dapat mengelak kritikan dan rungutan tentang ugutan yang diterima oleh suspek, tempoh soal siasat yang terlalu panjang, mengeluarkan kenyataan yang menghina kepada suspek, tuduhan mengintip, meminta suapan dan pelbagai lagi yang pernah dilemparkan kepada PPA. Mungkin setiap jabatan agama Islam

negeri boleh bekerjasama dengan agensi pusat bagi merangka suatu modul latihan intensif untuk memperkasakan PPA.<sup>11</sup>

Berdasarkan temubual yang dijalankan terhadap Ketua Penguatkuasa Agama Jabatan Agama Islam Pahang, jumlah penguatkuasa agama yang aktif pada ketika itu adalah tidak ramai. Angka tersebut, menurut beliau tidak termasuk dalam kalangan pegawai-pegawai masjid yang diberikan kuasa untuk menangkap dan orang sukarelawan. Namun, beliau menegaskan bahawa jumlah tersebut adalah tidak memadai dengan nisbah keluasan dan penduduk Negeri Pahang.<sup>12</sup>

## 2. Peruntukan undang-undang yang tidak jelas

Di bawah undang-undang jenayah Syariah pada amnya, terdapat lebih kurang 45 peruntukan kesalahan yang merangkumi kesalahan berkaitan akidah, akhlak, kesucian agama Islam dan pelbagai lagi. Jika diperhalusi, didapati hampir 20 kesalahan yang tidak begitu jelas elemen-elemen kesalahannya. Akibatnya, ia menyukarkan pelaksanaan penguatkuasaan dan PPA sering berhadapan dengan masalah ketika menjalankan operasi. Sebagai contoh, perlakuan yang disifatkan sebagai suatu kesalahan di bawah kesalahan perlakuan tidak sopan, di mana seksyen 57 Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992 menjelaskan:

*“Sesiapa melakukan perbuatan atau berkelakuan tidak sopan yang bertentangan dengan Hukum Syara’ di mana-mana tempat awam adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan.”*

Untuk menguatkuasakan peruntukan seperti di atas agak sukar terutama tanpa garis panduan yang jelas dan mudah difahami. Sungguhpun Arahan Amalan JKSM tahun 2005 telah menjelaskan perbuatan tidak sopan adalah merangkumi aspek pakaian dan tingkah laku, namun, elemen tidak sopan yang dikehendaki itu juga amat subjektif. Justeru, seksyen 56 ini dilihat seperti menyasarkan hanya golongan wanita yang berpakaian seksi hingga menimbulkan ghairah dan sekali gus undang-undang dituduh tidak adil terhadap wanita.

## 3. Ketiadaan fasiliti pengangkutan

Apabila pihak di Bahagian Penguatkuasaan menerima sesuatu aduan daripada orang awam, adalah menjadi piagam di Bahagian ini untuk terus mengambil tindakan dan pergi ke tempat yang dimaksudkan. Namun kekangan yang dihadapi untuk menjalankan siasatan atau risikan ialah jumlah kenderaan untuk tujuan logistik adalah tidak mencukupi. Masalah ini disuarakan sendiri oleh Ketua Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Pahang:

*“Kita takde kenderaan khas. Kenderaan kita ni kongsi dengan bahagian lain. Kalau nak guna kena ‘booking’ dulu”*

Pihak penguatkuasa semestinya mempunyai jumlah kenderaan yang mencukupi untuk menjalankan risikan, intipan dan proses pengumpulan bukti. Jika kenderaan yang perlu

<sup>11</sup> Siti Zubaidah Ismail. 2014. *Mendepani Krisis Moral: Cabaran Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah*.  
2 ShLR i. Hlm 6.

<sup>12</sup> Temubual bersama Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Pahang, Tuan Haji Adnan Bin Mamat pada 5 Jun 2017 bersamaan 10 Ramadhan 1438 Hijrah.

dikongsi dengan bahagian lain dan perlu ditempah, ini akan melumpuhkan dan menghadkan aktiviti pihak berkuasa agama untuk menjalankan proses penguatkuasaan.

#### **4. Pegawai yang sering bertukar**

Masalah pegawai-pegawai di Jabatan Agama Islam semenangnya menjadi kekangan yang sentiasa membelenggu Bahagian Penguatkuasaan. Ini disebabkan Bahagian Penguatkuasaan ini duduk sebumbung dengan bahagian-bahagian lama dalam kompenan Jabatan Agama Islam Negeri, maka mereka akan terdedah kepada pertukaran antara bahagian. Keluhan ini diutarakan oleh ramai penguatkuasa agama kerana mereka merasakan pertukaran bahagian ini mendatangkan masalah. Hal ini kerana apabila seseorang Pegawai Penguatkuasa Agama yang sudah berkhidmat lama dalam Bahagian Pendakwaan, kemudian diarahka bertukar ke Bahagian Masjid, maka dengan ini kemahirannya dalam penyiasatan, tangkapan dan risikan akan disia-sikan. Malah menjadi masalah kepada Bahagian Penguatkuasaan untuk melatih semula pegawai-pegawai yang baharu. Ketiadaan pegawai yang berpengalaman sedikit sebanyak menyebabkan proses di Bahagian Penguatkuasaan sering kali berhadapan dengan masalah. Bagi menangani masalah ini, pegawai-pegawai di Bahagian Penguatkuasaan seharusnya terus kekal berada di dalam Bahagian Penguatkuasaan. Pertukaran, sekiranya perlu hanyalah di dalam ruang lingkup Bahagian Penguatkuasaan itu sendiri.

#### **5. Perbincangan di antara Pegawai Penguatkuasa Agama, Pendakwa syarie dan Badan kehakiman Syarie**

Satu cadangan yang diutarakan oleh Ketua Hakim Syarie Pahang ketika pihak penyelidik membuat temubual bersama Y.A.A Dato' Hj. Abdul Rahman Bin Md. Yunos di dalam kamar hakim syarie sendiri pada 1 Jun 2017 yang lalu, Y.A.A ada mencadangkan supaya dibuat perbincangan yang berkala di antara pihak penguatkuasa agama, pihak pendakwa syarie dan badan kehakiman syarie sendiri untuk memudahkan perbicaraan di dalam Mahkamah Syariah, lebih-lebih lagi perbicaraan yang melibatkan jenayah syariah. Ini adalah bertujuan agar semua pihak-pihak yang terlibat mengikut prosedur yang sedia ada dan perbicaraan dapat dijalankan dengan seadil yang mungkin. Ketidakfahaman mengenai prosedur pendakwaan boleh mengakibatkan sesuatu perbicaraan sering ditangguh dan menemui jalan buntu serta seterusnya, mewujudkan tanggapan negatif masyarakat terhadap ketiga-tiga badan kehakiman syariah ini sendiri.<sup>13</sup>

### **8.0 Kesimpulan**

Persoalan tentang kebejatan akhlak dalam masyarakat memerlukan penyelesaian secara holistik dan membabitkan semua pihak. Apabila ikatan kemasyarakatan telah longgar, sikap ambil peduli semakin terhakis, individualistik dan mementingkan diri sendiri, maka krisis akhlak akan terus didendangkan. Perangkaan demi perangkaan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan sekadar menjadi perangkaan yang digeruni sekiranya pihak berkuasa tidak mengambil langkah-langkah segera bagi mengurangkannya. Usaha pihak berkuasa agama semata-mata tidak akan mampu untuk mengurangkan, mengekang atau merubah keadaan sedia ada. Tambahan pula, kuasa dan

<sup>13</sup> Temubual bersama Y.A.A Dato' Hj. Abdul Rahman Bin Md. Yunos, Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang, bertempat di Kamar Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang pada 1 Jun 2017 bersamaan 6 Ramadhan 1438 Hijrah.

bidangkuasa yang ada hanyalah sedikit, jumlah kakitangan dan kemudahan pula sangat terhad dan mereka juga berhadapan dengan isu-isu dalaman. Penulis bernama Eldefonso<sup>14</sup> pernah berkata: *If a law enforcement agency is weak and poorly structured, then, regardless of the individual efforts made by any or all dedicated officers it will fail in its purpose.* Untuk meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan kesalahan Syariah baik kesalahan moral, akidah dan sebagainya, maka pemerkasaan bahagian penguatkuasaan perlu diberi penekanan segera. Kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memperluaskan kempen kesedaran undang-undang Syariah. Apa yang lebih utama dan penting ialah penuhkan kekosongan jawatan pegawai penguatkuasa agama yang diperlukan agar fungsi dan peranan yang lebih berkesan di setiap daerah dapat dimainkan. Selain dari itu, Majlis Agama Islam sebagai sebuah badan yang berkuasa penuh terhadap perkara berkaitan agama, boleh melantik kakitangan yang diperlukan.

## Rujukan

- Edward Eldefonso (1968), *Principles of Law Enforcement*, (2nd Ed), New York: John Wiley and Sons.
- Nasimah Hussin. 2007. *Kesalahan Berkaitan Dengan Kesusaiaan Dan Moral Dalam Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah*: Satu Ulasan. Di dalam Undang-Undang Islam : Jenayah,Keterangan & Prosedur. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamrahayu Abdul Aziz (1997), *Kuasa-Kuasa Pegawai-Pegawai Penguatkuasa Agama di bawah Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan)* dalam *Isu-Isu Kebebasan Beragama dan Penguatkuasaan Undang-Undang Moral*, Mohd Hisham Mohd Kamal dan Shamrahayu Abdul Aziz (penyt.) KL: Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim.
- Shamrahayu A Aziz (2009), *Some Thoughts on the Relationship between Law and Religion in Malaysia*, Current Law Journal 1 (xix).
- Siti Zubaidah Ismail. 2014. *Mendepani Krisis Moral: Cabaran Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah*. 2 ShLR i.
- Siti Zubaidah Ismail. 2016. *Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamrahayu A. Aziz. 2015. *Kuasa Dan Peranan Polis Dalam Penguatkuasaan Jenayah Syariah*. 27 Kanun (1).
- Zulfikri Yasoa. 2008. *Kesalahan-kesalahan jenayah syariah di Mahkamah Syariah*.

## Keratan akhbar

Utusan Malaysia, 15 April 2005: “JAWI dicemuh banteras maksiat”.

Berita Harian, 19 Disember 2007. “Mulut celupar antara sebab penguatkuasa agama dicemuh”

## Laman sesawang

[www.jaip.pahang.gov.my](http://www.jaip.pahang.gov.my)

## Statut

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013 (Pahang).

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Pindaan 2001).

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005.

<sup>14</sup> Edward Eldefonso (1968), *Principles of Law Enforcement*, (2nd Ed), New York: John Wiley and Sons

Enakmen Kawalan & Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam 1989.  
Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2005.  
Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002.  
Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah 2002

### **Temubual**

Temubual bersama Ketua Penguatkuasa Agama Jabatan Agama Islam Pahang bertempat di Jabatan Agama Islam Pahang pada \*\*\*.

Temubual bersama Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Tuan Haji Adnan Bin Mamat pada 5 Jun 2017 bersamaan 10 Ramadhan 1438 Hijrah.

Temubual bersama Y.A.A Dato' Hj. Abdul Rahman Bin Md. Yunos, Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang, bertempat di Kamar Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang pada 1 Jun 2017 bersamaan 6 Ramadhan 1438 Hijrah.